



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 16 JANUARI 2025**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	SERAGAMKAN HARGA ELAK MANIPULASI, DALAM NEGERI, UM -10 BERAS CAMPUR SUDAH BERLAKU, PERLU NAIK HARGA BERAS TEMPATAN, DALAM NEGERI, UM -10	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
3. 4. 5. 6. 7. 8. 9.	COCKLE BONANZA, NEWS, NST -6 KERANG TERDAMPAR TARIK PERHATIAN KE PANTAI SURA, DALAM NEGERI, UM -35 WASPADA MAKAN KERANG TERDAMPAR DI PANTAI, KUALA TERENGGANU, SH -26 PESTA KUTIP KERANG DI PANTAI SURA, NEGARA, KOSMO -12 PENDUDUK SERBU PANTAI SURA KUTIP KERANG TERDAMPAR, NASIONAL, BH -20 ADA BAWA PULANG HINGGA 150KG!, LOKAL, HM -5 REZEKI REMIS OMBAK BERGELORA, LOKAL, HM -6	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
10. 11. 12.	MAQIS DELIVER 417 BOXES OF FROZEN CHICKEN CUTS TO ZOO NEGARA, WILAYAHKU.COM -ONLINE MAQIS SERAH 417 KOTAK KERATAN AYAM SEJUK BEKU KEPADA ZOO NEGARA, ASTRO AWANI -ONLINE ZOO NEGARA TERIMA 417 KOTAK KERATAN AYAM DARIPADA MAQIS, BULETIN TV3 -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
13.	PENGILANG PADI BERSAING TAWAR HARGA TERBAIK, NASIONAL SH -10	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
14.	RUGI RM10,000 PERALATAN TANGKAP LOBSTER ROSAK, NEGARA, KOSMO -14	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
15.	AGROBANK LANCAR KEMPEN DENGAN HADIAH RM2.5 JUTA, NIAGA, KOSMO -37	AGROBANK

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/1/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

Cadangan penjualan beras campur dapat reaksi positif

Seragamkan harga elak manipulasi

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamula.com.my

KANGAR: Penjualan beras campuran merupakan antara kaedah cukup baik dalam menyelesaikan masalah ketiadaan bekalan beras tempatan di pasaran yang sudah berlarutan lebih dua tahun.

Bagaimanapun, usaha berkenaan perlu disertakan dengan penyeragaman harga beras antara RM32 sehingga RM36 bagi berat 10 kilogram agar isu manipulasi oleh kilang-kilang besar turut dapat diatasi.

Pengerusi Suara Tani Malaysia, Mohd. Shazwan Suban berkata, apabila harga diseragamkan, mana-mana kilang atau pemborong yang mencampur beras tempatan dan import sudah tidak boleh lagi mengaut lebih keuntungan dengan manipulasi berkenaan.

Katanya yang juga pengusaha pusat belian padi, jika dilihat tidak ada perbezaan ketara antara beras tempatan dan import ini dan sukar sebenarnya untuk membezakan kedua-dua jenis beras berkenaan.

Ujarnya, tidak menjadi masalah jika penjualan beras campuran di pasaran, namun apa yang lebih penting tetapkan hanya pada satu gred beras sahaja serta seragamkan harga.

"Jadi, kerajaan perlu segera jika hendak melaksanakan cadangan membenarkan penjualan beras campuran tersebut. Jika tidak isu ketiadaan bekalan beras tempatan di pasaran dan manipulasi oleh kilang-kilang besar ini akan terus berlarutan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Kelmarin *Utusan Malaysia* melaporkan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang membuat kajian terperinci untuk membenarkan penjualan beras campuran di pasaran tempatan.

Sehingga hari ini tiada larangan yang jelas tentang pencampuran beras di dalam Akta Kawalan Padi dan Beras (Akta 522).

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu dilaporkan berkata, cadangan tersebut turut disokong oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sebagai kaedah pe-

nyelesaian kepada masalah bekalan beras yang berlaku ketika ini.

Sebelum itu, akhbar ini juga melaporkan, beras putih tempatan yang dijual pada harga rendah RM26 bagi 10 sekilogram (kg) mendorong pengilang-pengilang besar mencampurkannya dengan beras import dan dijual pada harga lebih tinggi.

Tambah Mohd. Shazwan, kerajaan juga perlu segera menyemak harga beras memandangkan harga RM26 bagi berat 10kg sudah tidak lagi relevan.

"Bagi keluarga yang mempunyai bilangan ahli keluarga antara empat atau lima orang, sekamplit beras 10kg itu sudah cukup untuk kegunaan sebulan atau mungkin lebih sedikit.

"Sudah 16 tahun harga beras ini tidak disemak dan nak tunggu sampai bila lagi barunaikkan harga beras.

"Jika harga beras naik, saya percaya ia akan memberi situasi menang-menang kepada semua pihak sama ada pengilang, pemborong dan pesawah sendiri," katanya.



PENJUALAN beras campuran merupakan antara kaedah cukup baik dalam menyelesaikan masalah ketiadaan bekalan beras tempatan di pasaran yang sudah berlarutan lebih dua tahun. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

Beras campur sudah berlaku, perlu naik harga beras tempatan

ALOR SETAR: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) perlu menyelaras terlebih dahulu harga beras putih tempatan (BPT) sebelum membenarkan penjualan beras campuran yang sebenarnya sudah berlaku ketika ini.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob berkata, isu pokok tersebut perlu diselesaikan dahulu selaint terbeban dengan harga belian padi RM1,300 per tan metrik.

Katanya, para petani sama sekali tidak berdepan masalah sekiranya keseimbangan harga itu berlaku termasuk menaikkan harga lantai belian padi kepada paras lebih relevan.

"Jualan beras campur memang sudah lama berlaku. Cuma persoalannya adalah penyesuaian harga baharu untuk beras tempatan.

"Kalau mahu tangani isu pokoknya kenapa selepas 17 tahun harga beras tak dinaik atau dikaji lagi, malah dalam tempoh dua tahun ini pun pengguna su-

dah terbiasa dengan harga beras yang lebih tinggi berbanding RM2.60 sekilogram, di pasaran cuma ada beras RM3.40 dan RM3.60 sekilogram," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Abdul Rashid berkata, seandainya kerajaan mahu 'merestukan' penjualan beras campuran itu, pihaknya mencadangkan harga RM3.60 bagi setiap kilogram agar dapat memberi situasi senang-menang.

Katanya, perkara itu secara tidak langsung berupaya menyelamatkan pesawah daripada tertekan dengan keadaan semasa kerana sekiranya tidak dinaikkan harga beras tempatan, amat mustahil untuk kerajaan menetapkan harga lantai padi yang lebih seimbang dengan kos.

"Menteri ada kata kalau mahu naik harga lantai padi, kita tidak boleh pula nak beli harga beras murah jadi di situ sudah tunjuk ketidakseimbangan. Jadi untuk harmonikan kena naik harga beras untuk diseimbangkan," katanya.



COCKLE BONANZA

People collecting cockles at Pantai Sura in Dungun, Terengganu, yesterday. Thousands of the bivalve molluscs were swept up the beach recently, attracting hundreds of visitors.
NSTP PIC BY GHAZALI KORI

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/1/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	35

Kerang terdampar tarik perhatian ke Pantai Sura

Oleh NIK NUR IZZATUL
HAZWANI NIK ADNAN
utusannews@medianulla.com.my

DUNGUN: Ribuan kerang yang terdampar di Pantai Sura, di sini, menarik kehadiran ratusan pengunjung yang mengambil peluang mengutip hidupan marin itu sejak kelmarin.

Bagi penduduk, fenomena kerang terdampar di pantai itu bukanlah baharu, malah saat yang ditunggu-tunggu setiap kali kedatangan Monsun Timur Laut.

Tinjauan mendapati, orang ramai berpusu-pusu ke pantai itu bersama ahli keluarga membawa pelbagai peralatan termasuk sauk dan baldi untuk mengutip kerang.

Seorang penduduk, Tengku Ahmad Amirul Tengku Hazaid, 22, dari Kampung Sura Hujung, dekat sini berkata, dia membantu orang ramai menyauk kerang di tepi laut sebelum diagihkan kepada pengunjung pantai itu.

"Saya memang sudah biasa menyauk kerang di pantai dan kadangkala turun ke laut. Memang saat ini ditunggu-tunggu. Ombak memang besar, namun kami sentiasa berwaspada dan tidak turun ke tengah laut, hanya di gigi air," katanya yang membawa pulang enam guni kerang.

Seorang pengunjung, Zainun Sai, 63, dari Kampung Chabang, Kerteh di Kemaman berkata, dia bersama enam ahli keluarganya ke pantai itu meskipun mengambil masa satu jam perjalanan semata-mata untuk mengutip kerang selepas melihat video dan gambar tular dalam media sosial.

"Kami memang sangat seronok bersama-sama dapat kutip kerang dan Alhamdulillah kami dapat bawa pulang lebih 60 kilogram. Kerang yang kami kutip bukan untuk dijual, hanya untuk makan bersama ahli keluarga dan diagihkan kepada jiran-jiran," katanya.

Bagi suri rumah, Sabariah Awang, 53, dia yang tinggal di Kampung Pulau Serai, di sini, tidak mahu melepaskan peluang untuk mengutip kerang bersama ahli keluarganya.

"Kami jarang makan kerang sebab tak selalu ada di pasar dan harganya agak mahal. Kami ambil peluang untuk kutip dan bawa pulang untuk direbus atau dibakar," katanya.

Dalam keseronokan orang ramai 'berpesta' mengutip kerang, pasukan penyelamat termasuk polis dan bomba dilihat turut berada di pantai itu memantau orang ramai bagi mengelak sebarang kejadian tidak diingini.



ZAINUN Sai (dua, kiri) bersama keluarga mengutip kerang di Pantai Sura, Dungun, Terengganu. - UTUSAN/NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/1/2025	SINAR HARIAN	KUALA TERENGGANU	26

Waspada makan kerang terdampar di pantai

Jabatan Perikanan sudah ambil sampel untuk diuji bagi memastikan ia selamat dimakan

Oleh **NURFARDLINA IZZATI MOKTAR**
KUALA TERENGGANU

Orang ramai dinasihati supaya berwaspada ketika makan kerang yang dikutip di Pantai Sura, Dungun, bagi memastikan tiada kandungan toksin membahayakan.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Terengganu, Ruzaidi Mamat berkata, pihaknya sudah mengambil sampel kerang dan dihantar ke makmal di Kuantan, Pahang, untuk dianalisis bagi memastikan tiada biotoksin berbahaya.

"Berdasarkan data sebelum ini, tiada kes bahaya melibatkan kandungan kerang yang mengandungi toksin, namun didapati hidupan laut ini mengandungi kandungan bakteria agak tinggi. Jadi kerang perlu dimasak dan direbus sebelum dimakan.

"Pada kali ini, sampel sudah diambil dan dihantar ke makmal untuk dianalisis bagi memastikan kerang ini tidak berbahaya dan selamat untuk dimakan.

"Selagi keputusan analisis belum diperoleh, orang ramai dinasihatkan untuk menghindari daripada memakannya bagi mengelakkan kejadian tidak diingini termasuk keracunan," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Rabu.

Sebelum ini, tular rakaman video di media sosial mengenai kehadiran orang ramai mengutip kerang yang terdampar di pantai.



Orang ramai tidak melepaskan peluang mengutip kerang menggunakan pelbagai cara termasuk pukut dan baldi.



Pantai itu dipenuhi ratusan penduduk yang menggunakan pelbagai cara seperti pukut dan baldi untuk mengutip kerang yang bertaburan.

Mengulas lanjut, Ruzaidi berkata, fenomena Monsun Timur Laut (MTL) dan ombak besar yang melanda negeri ini terutama di Pantai Sura menyebabkan banyak kerang-kerangan terdampar.

"Tidak mengelak kemungkinan fenomena ini menyebabkan kerang di dasar laut hanyut sehingga ke pesisir pantai.

"Dengan keadaan ombak besar ketika ini, hidupan laut akan naik dan keadaan ini tidak akan berlaku jika cuaca kembali reda," jelasnya.



Kerang yang diperolehi penduduk berikutan fenomena ombak besar di Pantai Sura, Dungun.



ORANG ramai berkumpul seawal pukul 7.30 pagi bagi merasai pengalaman mengutip kerang terdampar di Pantai Sura. Durgun sejak kelmarin. - PUOTRA HAIRRY ROSLI

Pesta kutip kerang di Pantai Sura

- Ratusan penduduk bawa sauk, baldi kutip kerang terdampar
- Fenomena biasa setiap kali musim tengkujuh ekor air pasang

Oleh NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

DUNGUN – Pantai Sura di sini bakal pesta sejak kelmarin apabila dikunjungi ratusan penduduk dari seluruh daerah ini dan kawasan sekitar bagi mengutip ribuan kerang yang terdampar.

"Injauan Kosmo" semalam mendapati orang ramai bersama

ahli keluarga masing-masing membawa peralatan termasuk sauk dan baldi untuk mengutip kerang seawal pukul 7.30 pagi.

Proses kutipan berhenti pukul 12 tengah hari sebelum bersambung kira-kira pukul 4.30 petang.

Seorang penduduk, Tengku Ahmad Amirul Tengku Hazaid, 22, berkata, lambakan kerang

terdampar ke pesisir Pantai Sura adalah fenomena biasa setiap kali musim tengkujuh ekor air pasang besar.

"Saya antara orang terawal menyedarkannya awal pagi semalam (kelmarin) sebelum mula mengutipnya menggunakan penyauk," katanya di sini semalam.

Tengku Ahmad Amirul berkata, sejak ini, dia berjaya mengutip enam goni kerang dan sebahagian dibagikan kepada

pengunjung lain bagi sama-sama merasa makanan laut berkenaan.

Seorang lagi penduduk, Zainun Sal, 63, berkata, dia dan enam ahli keluarga sanggup datang dari kampung Chabang, Kerteh, Kaman sejauh lebih 50 kilometer untuk mengutip kerang.

Menurutnya, mereka berjaya mengutip lebih 60 kilogram kerang untuk dibawa pulang.

"Alhamdulillah berbaloi perjalanan jauh kami dapat membawa pulang banyak kerang percuma yang jika dibeli boleh tahan mahalunya.

Kerang-kerang bukan untuk kami sahaja tetapi dikongsi dengan jiran dan sanak-saudara," katanya.

Dalam pada itu, anggota polis dan bomba dilihat berkawal memantau orang ramai mengutip kerang bagi mengelakkan sebarang insiden tidak diingini.



KERANG yang berjaya dikutip penduduk akan dikongsi bersama pengunjung serta sanak saudara.



(Foto Ghazali Kori/BBH)

Ratusan pengunjung mengambil peluang mengutip kerang yang terdampar di Pantai Sura, Dungun, semalam.

Penduduk serbu Pantai Sura kutip kerang terdampar

Ombak kuat hanyutkan hidupan laut ke pantai setiap kali musim tengkujuh

Oleh Rosli Iham
bhnews@bh.com.my

Dungun: Kerang yang banyak terdampar di pesisir Pantai Sura, dekat sini, akibat dihanyutkan ombak, memberi rezeki kepada penduduk yang berpusu-pusu mengutip hidupan laut itu sejak petang kelmarin.

Penduduk, Mohd Syawal Mohd Zam, 29, berkata kejadian itu bukan kali pertama kerana setiap kali musim tengkujuh memang ada kebanyakan kerang di pantai. Ini akibat ombak kuat dan ia saat dinikmati penduduk.

"Saya gunakan suuk dan san-



Pengunjung Pantai Sura menunjukkan kerang yang dikutip.

gat seronok selepas berjaya kutip kira-kira 100 kilogram (kg) kerang ini," katanya. Ibrahim, 23, pula datang dari Kerteh ke pan-

ronokan mengutip kerang blarpun perjalanan hampir satu jam. Saya hanya kutip yang di atas darat kerana takut untuk rapat ke laut berikutan ombak besar," katanya yang mengutip kira-kira 50kg kerang.

Tengku Ahmad Amirul Tengku Hazaid, 22, pula berkata dia turut ke pantai itu selepas melihat orang ramai memamahi kawasan berkenaan.

Apakah risiko?

"Selain mengutip kerang untuk diri sendiri, saya juga membantut orang ramai menyauk di tepi laut. Saya bawa alatan itu kerana sekali sauk, dapat beberapa kilogram kerang," katanya yang berjaya memperoleh kira-kira 150kg kerang.

Katanya, kerang dikutip bukan untuk dijual, sebaliknya untuk makan bersama ahli keluarga dan diagihkan kepada jiran.

Saya berterima kasih kepada pihak bomba dan polis yang datang mengawal di pantai ini bagi mengelak kejadian tidak diingini," katanya.



ORANG ramai mengambil kesempatan mengutip kerang di Pantai Sura. Ribuan kerang yang terdampar di pantai menyebabkan pantai itu dikunjungi ratusan pengunjung yang mengambil peluang mengutip hidupan marin itu sejak pagi kelmarin. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI

Ada bawa pulang hingga 150kg!

Pantai Sura Dungun jadi tumpuan orang ramai susulan persisiran dipenuhi kerang sejak kelmarin

Oleh Rosli Ilham
am@hmetro.com.my

Dungun

Pantai Sura di sini, menjadi tumpuan penduduk bagi mengutip kerang yang memenuhi persisiran pantai itu sejak kelmarin.

Penduduk, Mohd Syawal Mohd Zam, 29, berkata fe-

nomena itu bukan yang pertama berlaku dan ia adalah saat yang ditunggu-tunggu penduduk sekitar.

"Setiap kali tiba musim tengkujuh memang akan berlaku pantai di sini dipenuhi kerang yang nakl akibat dibawa oleh ombak kuat.

"Saya berjaya kutip kira-kira 100 kilogram ke-

rang yang akan dijual dan makan sendiri," katanya. Siti Nur Maisrah Ibrahim, 23, berkata dia yang tinggal di Kerteh, datang ke pantai itu mengutip kerang selepas melihat foto dan video tular di media sosial.

"Saya bersama beberapa

rakan datang ke sini untuk merasai keseronokan mengutip kerang walaupun perjalanan ke sini hampir sejam.

"Saya hanya kutip yang di atas darat kerana takut dengan ombak sangat besar," katanya yang berjaya mengutip tip ki-

ra-kira 50 kilogram kerang. Bagi seorang penduduk, Tengku Ahmad Amirul Tengku Hazaid, 22, dia turut serta selepas melihat orang ramai memenuhi pantai itu.

"Selain untuk diri sendiri, saya juga membantu orang ramai mengutip kerang di pantai menggunakan kan sauk," katanya yang

memperoleh kira-kira 150 kilogram kerang.

Katanya, kerang yang dikutip itu bukan untuk dijual sebaliknya untuk makan bersama ahli keluarga dan dibahagikan kepada jiran.

"Bomba dan polis juga ada memantau keadaan bagi mengelak sebarang kejadian tidak diingini," katanya.

Fenomena kerang
penuhi persisiran
pantai Sura bukan
pertama kali berlaku

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/1/2025	HARIAN METRO	LOKAL	6

Rezeki remis ombak bergelora

Kuala Nerus: Keadaan laut bergelora dan ombak besar bukan halangan bagi seorang nelayan mencari remis untuk dijual bagi menyara kehidupan ketika musim Monsun Timur Laut (MTL).

Rozman Kamaruddin, 40, dari Kampung Pengkalan Atap, Batu Rakit di sini, berkata dia mencari remis setiap kali tiba musim tengkujuh kerana keadaan laut bergelora serta angin kencang menghalang nelayan turun ke laut.

Katanya, setiap hari dia akan ke pantai kampung berkenaan mencari remis dengan menggunakan peralatan khas yang dibuat sendiri.

"Kaedah mencari remis menggunakan peralatan khas ini adalah cara orang dulu-dulu dan ia dilakukan ketika ombak besar," katanya.

Rozman berkata, alat berkenaan diletakkan di dalam air dan ditarik menggunakan kayu atau tali bagi mengaut pasir dan jika ada remis ia akan terperangkap dalam alat berkenaan" katanya ditemui sedang menjalankan aktiviti itu di pantai kampung berkenaan.

Katanya, dia ke pantai berkenaan sendirian mulai jam 3 petang setiap hari dan pulang jam 5 petang.

"Dapatlah juga ha-

silnya walaupun tak banyak," katanya yang sudah menjadi nelayan pantai menggunakan bot gentian kaca bersama rakan sejak lebih 20 tahun lalu.

Menurutnya, satu ketika dahulu, mencari remis menggunakan peralatan berkenaan ketika laut bergelora menjadi aktiviti golongan nelayan di kawasan pantai berkenaan tetapi kini ia semakin kurang.

"Remis mudah didapati ketika musim laut bergelora dan saiznya pula besar. Jika banyak hasilnya, saya akan pulang sekitar jam 6 petang, jika kurang hasilnya saya akan pulang awal.

"Tidak berani berada di pantai sehingga lewat petang walaupun banyak hasil yang dapat kerana laut semakin bergelora dan air pasang besar apabila menjelang malam dan bahaya kerana ombak sangat besar," katanya.

Menurut Rozman, hasilnya tangkapannya tidak menentu, jika bernasib baik dia mampu memperolehi sebanyak hampir dua kilogram remis dan makanan laut dijual sebagai rezeki sampingan.

"Remis ini saya masukkan dalam tin susu pekat dan menjual di sekitar kampung sahaja dengan harga RM5 bagi setiap satu tin.

"Sekali tangkapan, hasilnya bolehlah sekitar RM20 hingga RM30. Bolehlah buat tampong perbelanjaan harian sementara dapat kembali semula ke laut selepas laut kembali reda," katanya.



ROZMAN mencari remis menggunakan peralatan khas ketika laut bergelora.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/1/2025	WILAYAHKU.COM	ONLINE	

MAQIS delivers 417 boxes of frozen chicken cuts to Zoo Negara



PUTRAJAYA: The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (MAQIS) handed over 417 boxes of frozen chicken cuts weighing 5,004 kilograms (kg) that were confiscated to Zoo Negara yesterday.

MAQIS Director-General Shamsul Akbar Sulaiman said in a statement the chicken pieces worth RM42,023 were to be used as animal food at Zoo Negara.

“The raw materials were the result of the seizure of imported animal products, which had been forfeited

for not complying with the legal aspects of Section 11(1) and Section 13 under the Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011 (Act 728).

“We hope this donation can cover the cost of supplying raw materials to be used as food for the animals at the zoo,” he said.

According to Shamsul Akbar, for 2024 alone, MAQIS has handed over more than 91,700 kg of animal products worth almost RM 836,000 to various agencies and parties in need.

He also stressed that the department would not compromise on non-compliance, especially involving biosecurity issues.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/1/2025	ASTRO AWANI	ONLINE	

MAQIS serah 417 kotak keratan ayam sejuk beku kepada Zoo Negara



Menurut Shamsul Akbar bagi 2024 sahaja, pihak MAQIS telah menyerahkan lebih 91,700 kg hasilan haiwan bernilai hampir RM 836,000 kepada pelbagai agensi serta pihak yang memerlukan. - Gambar FB MAQIS

PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) menyerahkan 417 kotak keratan ayam sejuk beku seberat 5,004 kilogram (kg) yang dilucut hak kepada Zoo Negara semalam.

Ketua Pengarah MAQIS Shamsul Akbar Sulaiman dalam kenyataan berkata keratan ayam bernilai RM42,023 itu untuk dijadikan makanan haiwan di Zoo Negara.

"Bahan mentah tersebut merupakan hasil sitaan pengimportan hasilan haiwan yang telah dilucuthakkan kerana tidak mematuhi aspek perundangan Seksyen 11(1) dan Seksyen 13 di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Kami berharap penyerahan ini dapat menampung kos bekalan bahan mentah untuk dijadikan makanan kepada haiwan-haiwan yang terdapat di zoo," katanya.

Menurut Shamsul Akbar bagi 2024 sahaja, pihak MAQIS telah menyerahkan lebih 91,700 kg hasilan haiwan bernilai hampir RM 836,000 kepada pelbagai agensi serta pihak yang memerlukan.

Beliau turut menegaskan jabatan itu tidak berkompromi terhadap ketidakpatuhan terutamanya melibatkan isu biosekuriti.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/1/2025	BULETIN TV3	ONLINE	

Zoo Negara terima 417 kotak keratan ayam daripada MAQIS



MAQIS menyerahkan 417 kotak keratan ayam sejuk beku yang dilucut hak kepada Zoo Negara semalam. FOTO: Ihsan MAQIS

PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) menyerahkan 417 kotak keratan ayam sejuk beku seberat 5,004 kilogram (kg) yang dilucut hak kepada Zoo Negara semalam.

Ketua Pengarah MAQIS, Shamsul Akbar Sulaiman berkata, penyerahan barangan berupa keratan ayam sejuk beku yang bernilai RM 42,023 itu untuk dijadikan sebagai makanan kepada haiwan-haiwan di Zoo Negara.

Katanya, bahan mentah terbabit adalah hasil sitaan pengimportan haiwan yang telah dilucut hak kerana tidak mematuhi aspek perundangan Seksyen 11(1) dan Seksyen 13 di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

“MAQIS berharap penyerahan ini dapat menampung kos bekalan bahan mentah untuk dijadikan makanan kepada haiwan-haiwan yang terdapat di Zoo Negara,” katanya melalui kenyataan.

Untuk rekod, pada 2024 MAQIS telah membuat serahan melebihi 91,737 kg dengan nilai anggaran RM835,713 kepada pelbagai agensi serta pihak yang memerlukan.

Shamsul Akbar berkata, tindakan itu adalah salah satu daripada kaedah pelupusan hasil haiwan yang disita dan telah dilucut hak.

Katanya, MAQIS tidak akan berkompromi terhadap ketidakpatuhan terutamanya membabitkan isu biosekuriti.

16/1/2025

SINAR
NASIONAL

10

HARIAN

Harga belian padi ditentukan pengilang ikut kemampuan berdasarkan harga lantai ditetapkan kerajaan

Oleh ROSLINDA HASHIM
ALOR SETAR

Harga belian padi ditentukan pengilang mengikut kemampuan masing-masing berdasarkan penetapan harga lantai ditetapkan kerajaan iaitu RM1,300 bagi setiap tan.

Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Maftuz Omar berkata, pengilang sentiasa berlumba-lumba menawarkan harga terbaik agar petani menghantar padi mentah ke kilang mereka.

Namun persaingan antara pengilang menyebabkan harga belian padi tidak konsisten dan boleh naik sehingga RM1,700 satu tan.

"Pengilang lawan harga sesama mereka, tak ada kaitan dengan kerajaan. Kerajaan hanya menetapkan harga lantai, itulah prosedur sejak dahulu. Maksudnya kilang tak boleh beli bawah daripada harga RM1,300 satu tan."

"Baru-baru ini ada kilang beli sehingga RM1,800 satu tan. Bukan kerajaan yang arahan beli pada harga tertentu. Kilang boleh perlu patuhi syarat tidak boleh rendah daripada RM1,300

satu tan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Jelas Maftuz, permainan harga tersebut ditentukan oleh pemain industri terlibat khususnya pengilang.

"Harga belian padi ditentukan oleh pengilang sendiri, rendah atau tinggi terpalang kepada mereka dengan syarat memproses untuk jadian harga beras RM2.60 sekilogram (kg)."

"Mereka boleh beli padi pada berapa pun terpalang, dengan syarat harga beras kekal RM26 bagi sekam pit 10kg, sebab harga siling beras ditetapkan RM2.60 satu kg," ujarnya.

Sehubungan itu, Maftuz mengingatkan pengilang agar membuat pertimbangan sewajarnya dalam menetapkan harga belian padi tanpa menganiaya pesawah.

"Jangan peraltkan pesawah, tidak mustahil helah pengilang untuk menengahkan harga beras. Dengan sendirinya bila harga beras naik, mereka boleh beli pada harga lebih tinggi."

"Pengilang sewajarnya konsisten dengan harga belian, jangan sesuka hati menaikkan atau turunkan harga. Ia tidak adil kepada pesawah mahupun kerajaan."

"Kalau sebelum ini beli RM1,700 satu tan, kekalkan harga tersebut, jangan berubah



Persaingan antara pengilang menyebabkan harga belian padi tidak konsisten yang ada ketikanya dibeli pada harga RM1,300 hingga RM1,700/tan.

ubah dalam tempoh singkat," katanya.

Maftuz turut mencadangkan agar kerajaan mempertimbangkan untuk menaikkan harga lantai padi dengan sedikit anjakan, dan pada masa sama membuat penetapan harga siling baharu beras.

"Kedua-dua aspek itu perlu selari, namun terpalang pada kerajaan untuk tetapkan harga paling sesuai, mungkin perlu lakukan kajian segera."

"Bagi saya sudah sampai masa kerajaan menetapkan harga siling baharu beras; harga beras wajar dinaikkan, tidak boleh lagi RM2.60 satu kg. Saya percaya kalau harga beras tempatan dinaikkan, pengilang mampu beli padi pada harga melebihi RM1,300," katanya.

Menurut beliau, pengilang

INFO

- Harga lantai belian padi pernah direkodkan RM700 setiap tan, sebelum beberapa kali dinaikkan sehingga terbaharu RM1,300 pada tahun lepas berbanding RM1,200 sejak 2014

Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu memaklumkan, kerajaan sedang meneliti untuk menaikkan harga lantai belian padi yang penelapannya sebelum ini diputuskan pada RM1,300 bagi setiap tan.

Mengulas mengenai pemberian subsidi RM500 kepada pesawah, Maftuz berkata, ia membantu menambah pendapatan pesawah namun kos penanaman padi masih tinggi.

"Kalau pesawah jual padi RM1,300 maknanya dia akan dapat RM500 lagi tambahan (subsidi) menjadikan harga ke-pada RM1,800."

"Namun kos masih tinggi untuk tanam padi, kerajaan juga sedang teliti perkara ini."

"Harga belian padi tidak ada kaitan dengan masalah lain seperti pesawah lambat tanam padi atau berdepan cuaca buruk atau bencana," ujarnya.

Sebelum ini, Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) mendesak kerajaan supaya menaikkan harga lantai belian padi kepada RM1,800 bagi mengimbangi kenaikan kos

Pengilang padi bersaing tawar harga terbaik

Rugi RM10,000 peralatan tangkap lobster rosak

KOTA TINGGI – Nelayan di Sungai Musoh, Pengerang di sini menanggung kerugian sehingga RM10,000 selepas peralatan digunakan untuk menangkap udang lobster mengalami kerosakan selepas dibadai ombak besar dan angin awal pagi kelmarin.

Ketua Komuniti Nelayan Sungai Musoh, Mohammad Jaffar berkata, terdapat lima nelayan yang terjejas akibat kejadian itu yang mana punca utama pendapatan mereka adalah dengan mencari hasil laut.

"Masing-masing alami kerugian sekitar RM1,000 dan ada juga hingga RM10,000 apabila pelbagai barangan dan kelengkapan menangkap hasil laut rosak dan hilang akibat dibadai ombak besar dan angin kencang.

"Sejak bulan lalu situasi ombak besar dan angin kencang memang sudah berlaku beberapa kali, namun apabila

memasuki gelombang kedua, ia lebih teruk dan luar biasa.

"Bila ombak besar hampir 3.2 meter, ditambah pula angin yang kuat, banyak barang kami alami kerosakan termasuk bubu udang, jaring tagan, jaring berhanyut dan jaring umpan," katanya ketika ditemui pemberita di Sungai Musoh, Pengerang di sini.

Katanya, terdapat bot nelayan yang diletak di Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Sungai Musoh kira-kira 200 meter turut mengalami kerosakan akibat kejadian itu.

"Bot masih sempat diselamatkan, tetapi barangan lain tidak sempat. Pontoon yang kita letak barang-barang semua terlepas daripada ikatan di tiang sebab tiang patah kerana air besar," katanya.

"Harap ada pihak yang boleh turun lihat apa nelayan alami di sini, harap dapat bantuan segera sebelum habis monsun," katanya.



AZNAN (kanan) melihat peralatan nelayan yang rosak ketika meninjau keadaan kesan ombak besar di Sungai Musoh, Pengerang, Kota Tinggi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/1/2025	KOSMO	NIAGA	37



PROMOSI terbaharu Agrobank bagi menggalakkan lebih ramai menabung dalam akaun bank tersebut.

Agrobank lancar kempen dengan hadiah RM2.5 juta

PETALING JAYA – Agrobank telah melancarkan Kempen Huat Year Ong Ong Lai Mega Million 2.0 bermula semalam hingga 15 Februari 2025 dengan menawarkan hadiah keseluruhan bernilai lebih RM2.5 juta.

Kempen yang dilancarkan dalam musim perayaan Tahun Baru Cina itu menawarkan lapan kali mata penyertaan melalui Kempen Mega Million 2.0.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, Kempen Huat Year Ong Ong Lai Mega Million 2.0 yang dilancarkan itu akan dapat memupuk budaya menyimpan dalam kalangan masyarakat.

“Amalan menabung ini selaras dengan perkataan Huat yang membawa maksud kemakmuran dan kekayaan, yang dizahirkan melalui kempen dan produk kami untuk menja-

min kestabilan kewangan pada masa hadapan,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, hadiah untuk cabutan utama adalah Ford Ranger Raptor dan hadiah menarik lain melalui cabutan bulanan dan cabutan pusingan wilayah pula adalah Mitsubishi Xpander, Proton S70, Perodua Myvi, kepingan emas dan wang tunai.

“Kempen ini terbuka kepada kategori Individu yang melanggan produk AgroPrimaS.

“Lebih menguntungkan, pelanggan akan memperoleh mata penyertaan tambahan dengan gabungan produk Pembiayaan atau Ar-Rahnu dan Penulisan Wasiat & Takaful.

“Pelanggan yang membuat deposit sebanyak RM100,000 dalam satu sijil AgroPrimaS pula akan menerima hadiah eksklusif edisi terhad Agrobank,” jelasnya.